

Terma dan Syarat Pembukaan Akaun Dalam Talian Langsung

Definisi

Akaun CIMB/-i	- Merangkumi Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i dan/atau Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i dengan CIMB (DURIAN-i) dengan CIMB Islamic Bank, mengikut kes yang berkenaan
CASA/-i	- Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i dengan CIMB
DURIAN-i	- Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i dengan CIMB Islamic Bank
CIMB	- CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic Bank, mengikut keadaan
CIMB Bank	- CIMB Bank Berhad [197201001799]
Kad Debit CIMB	- kad debit yang dikeluarkan oleh CIMB
CIMB Islamic Bank	- CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872]
e-KYC	- proses suai tugas Kenali Pelanggan Anda elektronik yang membolehkan seseorang individu memohon dan membuka Akaun CIMB/-i dalam talian secara langsung
Pengguna LayakPlatform	- platform yang membolehkan individu memohon dan membuka Akaun CIMB/-i terpilih dalam talian secara langsung seperti yang ditentukan oleh CIMB dari semasa ke semasa
Pembukaan Akaun Dalam Talian Langsung	
MyKad/Kad Pengenalan	- Kad Pengenalan Kebangsaan, dalam konteks ini merujuk kepada kad pengenalan Malaysia pelanggan
OTP	- OTP ("One Time PIN") ialah kod enam (6) angka unik yang dihantar ke nombor mudah alih anda melalui SMS, dan yang perlu anda masukkan untuk tujuan pengesahan
SMS	- Khidmat Pesanan Ringkas
Terma dan Syarat Pengguna / Kami	- Terma dan Syarat Pembukaan Akaun Dalam Talian Langsung
	- pengguna platform pembukaan akaun dalam talian langsung
	- CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic Bank, mengikut keadaan

Terma Akses dan Penggunaan Platform Pembukaan Akaun Dalam Talian Langsung

Terma dan syarat berikut mengawal pengaksesan dan penggunaan platform pembukaan akaun dalam talian langsung anda berhubung dengan permohonan dalam talian anda dan pembukaan Akaun CIMB/-i terpilih seperti yang ditentukan oleh CIMB dari semasa ke semasa.

Dengan menggunakan atau mengakses platform ini, anda mengakui bahawa anda telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat .

Platform ini dikendalikan, ditadbir, diselenggara dan dibangunkan oleh CIMB Bank dan vendor pihak ketiga kami. Platform ini membenarkan Pengguna Layak untuk memohon dan membuka Akaun CIMB/-i terpilih dalam talian secara langsung seperti yang ditentukan oleh CIMB dari semasa ke semasa. Platfotm ini menggunakan teknologi penyaringan e-KYC untuk CIMB supaya melaksanakan usaha wajar elektronik, penentusan dan pengesahan identiti, dan membuat keputusan yang berhemat dalam memastikan pematuhan kepada Rejim Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Pencegahan Pembiayaan Keganasan Bank Negara Malaysia.

Jika anda tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat atau anda tidak mempunyai kuasa atau tidak memenuhi kriteria kelayakan, anda harus menghentikan permohonan dalam talian anda dan pembukaan Akaun CIMB/-i .

Aturan Am

Anda memahami dan bersetuju bahawa:

1. Pengaksesan kepada dan penggunaan platform ini anda hendaklah mengikut Terma dan Syarat dan mana-mana undang-undang, peraturan dan pengawalan yang mengawal perkara yang sama pada setiap masa.
2. Pengaksesan kepada dan penggunaan platform ini anda adalah untuk tujuan semata-mata memudahkan e-KYC berhubung dengan permohonan dalam talian anda dan pembukaan Akaun CIMB/-i .
3. Pengaksesan kepada dan penggunaan platform ini anda untuk memohon dan membuka Akaun CIMB/-i dalam talian secara langsung adalah tertakluk kepada kriteria kelayakan berikut:
 - a. Anda tidak mengekalkan sebarang akaun CASA/-i dengan CIMB dan/atau DURIAN-i dengang CIMB Islamic Bank;
 - b. Anda mesti merupakan warganegara Malaysia yang memegang MyKad/Kad Pengenalan baharu (dokumen pengenalan rasmi yang dikeluarkan dan diakui oleh Kerajaan Malaysia). Pemegang MyKid, MyPR dan MyKAS adalah tidak layak.
 - c. Anda mesti berumur 18 tahun dan ke atas.
 - d. Anda mesti memegang nombor mudah alih berdaftar Malaysia dan alamat e-mel yang sah.
 - e. Anda mesti mempunyai akaun semasa dan/atau akaun simpanan sedia ada atas nama tunggal anda dengan bank lain (selain CIMB) di Malaysia.
 - f. Permohonan sendiri sahaja (pemohon mesti merupakan orang yang memohon untuk membuka akaun dan nama pemegang akaun adalah berdasarkan nama pemohon sahaja).

- g. Anda mesti mempunyai alamat surat-menyerat di Malaysia yang sah untuk tujuan penghantaran Kad Debit CIMB.
4. Untuk memohon dan membuka Akaun CIMB/-i dalam talian secara langsung, anda dikehendaki melakukan 4 langkah berikut:
- (i) Langkah 1: Butiran Perhubungan – anda mesti memasukkan nombor MyKad/Kad Pengenalan dan nombor mudah alih anda, dan OTP melalui SMS akan dihantar ke nombor mudah alih anda untuk tujuan pengesahan.
 - (ii) Langkah 2: Sahkan Identiti anda – anda mesti mengambil gambar bahagian hadapan dan belakang MyKad/Kad Pengenalan anda, anda mesti mendayakan pengesahan identiti anda melalui perisian pengecaman muka dalam platform ini, dan menjawab soalan mudah berkaitan kredit peribadi apabila dan bila didorong untuk berbuat demikian.
 - (iii) Langkah 3: Borang Permohonan – anda mesti mengisi borang permohonan elektronik dan lengkapkan penerimaan dan pengesahan pengisytiharan, serta persetujuan anda terhadap terma dan syarat .
 - (iv) Langkah 4: Membayar Akaun Anda – anda mesti memindahkan deposit permulaan minimum yang diperlukan daripada akaun bank anda atas nama tunggal anda dengan institusi kewangan lain di Malaysia melalui saluran yang dibenarkan iaitu *Financial Process Exchange (FPX)* atau mana-mana kaedah yang terdapat dalam platform ini. Kegagalan untuk membayar Akaun Simpanan/-i dan/atau DURIAN-i anda dengan deposit permulaan minimum akan menyebabkan penutupan automatik selepas 90 hari dan 150 hari untuk Akaun Semasa/-i.

Nota Penting: Amaun deposit permulaan yang dipindahkan tidak akan memperolehi sebarang faedah/ keuntungan sekiranya akaun yang dipohon dan dibuka perlu ditutup selepas pengesahan lanjut CIMB seperti yang dinyatakan dalam Klausus 6 dan 7 di bawah.

5. Permohonan untuk pembukaan Akaun CIMB/-i dalam talian secara langsung tertakluk kepada anda telah berjaya melengkapkan proses pengesahan identiti (termasuk pengecaman muka) dan langkah e-KYC lain dalam platform ini. CIMB merizabkan hak untuk menolak sebarang permohonan untuk membuka akaun.

Nota Penting:

- (i) Selepas pembukaan Akaun CIMB/-i yang berjaya melalui platform ini, Kad Debit CIMB anda akan dihantar melalui pos, dalam tujuh (7) hingga empat belas (14) hari bekerja, ke alamat surat-menyerat anda seperti yang anda dedarkan semasa permohonan pembukaan Akaun CIMB/-i. Anda adalah bertanggungjawab untuk memberikan

kepada CIMB alamat surat-menyurat anda yang tepat di Malaysia, untuk memastikan Kad Debit CIMB yang baru dikeluarkan boleh dihantar dengan selamat kepada anda. Anda perlu mengaktifkan Kad Debit CIMB anda dengan mencipta PIN 6 angka peribadi anda sendiri mengikut arahan pengaktifan kad debit dalam mel kad, sebelum anda boleh mengakses dan mengendalikan Akaun CIMB/-i baharu.

- (ii) Sebelum pengesahan e-KYC yang berjaya termasuk sebarang pengesahan lanjut seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6 di bawah dan/atau pengaktifan kad debit anda , Akaun CIMB/-i baharu yang berjaya dibuka melalui platform ini tidak boleh beroperasi, dan amaun deposit permulaan yang dipindahkan di bawah Langkah 4 (seperti yang dinyatakan dalam Klausula 4 di atas) tidak akan mengakru sebarang faedah/keuntungan.

Nota Penting:

- Akaun Semasa dan/atau Simpanan/-i (CASA/-i) dengan CIMB dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
 - Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i (DURIAN-i) dengan CIMB Islamic Bank tidak dilindungi oleh PIDM.
6. CIMB merizabkan hak untuk melakukan pengesahan lanjut ke atas anda untuk tujuan e-KYC sehingga tujuh (7) hari bekerja selepas pembukaan akaun yang berjaya. Pengesahan lanjut mungkin melibatkan anda menerima panggilan telefon, SMS, e-mel, atau sebarang cara komunikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB, dengan arahan untuk mengesahkan identiti anda.
7. Sekiranya terdapat keputusan yang tidak memberangsangkan akibat daripada pengesahan lanjut tersebut yang dinyatakan dalam Klausula 6 di atas, CIMB akan secara automatik menutup Akaun CIMB/-i tersebut dan memaklumkan kepada anda melalui SMS, e-mel dan/atau sebarang cara komunikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB, berkenaan dengan penutupan Akaun CIMB/-i sedemikian. Anda bersetuju bahawa hak yang dinyatakan di atas untuk menutup Akaun CIMB/-i anda hendaklah tanpa memprejudisikan hak CIMB untuk menutup Akaun CIMB/-i tersebut atas sebab-sebab lain seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat yang mengawal Akaun CIMB/-i. CIMB merizabkan hak untuk tidak mendedahkan sebab penutupan Akaun CIMB/-i tersebut.
8. Baki Akaun CIMB/-i dalam akaun yang ditutup di bawah Klausula 7 di atas akibat daripada pengesahan lanjut tersebut, akan dibayar balik kepada akaun pemula dana, tanpa sebarang faedah/ keuntungan, dalam tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan kepada anda mengenai penutupan Akaun CIMB/-i tersebut. Anda perlu memastikan bahawa akaun pemula dana tidak ditutup atau dorman untuk membolehkan CIMB membayar balik deposit permulaan. Wang yang tidak dibayar balik akibat daripada penutupan atau kedorminan akaun pemula dana dan/atau tidak dituntut oleh anda akan diuruskan mengikut peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

9. Kandungan dalam platform ini termasuk apa-apa grafik, teks, skrip, audio, imej, seni, video, dan kerja multimedia lain atau sebarang gabungan dilindungi oleh cap dagangan, hak cipta, dan harta intelek atau hak kepunyaan lain yang terpakai yang dimiliki secara eksklusif oleh kami. Anda tidak memperolehi hak pemilikan kepada mana-mana kandungan dalam platform ini.
10. Anda mesti tidak mengubah suai, menggodam atau menyesuaikan platform ini, atau mencipta atau mengubah suai laman sesawang atau aplikasi mudah alih lain untuk mencipta tanggapan palsu bahawa ia dikaitkan dengan CIMB.
11. Anda mesti tidak melakukan perkara berikut:
 - a. menggodam atau cuba mendapatkan pengaksesan tanpa diberi kuasa ke platform ini
 - b. menyalahgunakan, salah guna, atau mengganggu keselamatan platform ini
 - c. menyediakan atau menyebarkan maklumat yang tidak tepat atau palsu mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh platform ini
 - d. menyalin, menduplikasi, mengeluarkan semula, memindahkan, memberi akses kepada, mengedar, atau mengeksplotasi mana-mana bahagian platform ini
 - e. menjual semula atau mengenakan bayaran ke atas orang lain untuk penggunaan, atau pengaksesan kepada platform ini
 - f. mengakses platform ini pada peranti mudah alih akar (“rooted”) atau pecah sekat (“jailbroken”)
 - g. mengubah suai atau menyesuaikan platform ini, atau menggunakan platform ini untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau tidak diberi kuasa
 - h. menggunakan platform ini untuk menghantar sebarang cecacing, virus atau kod pemusnah lain

Kami merizabkan hak untuk menolak atau menafikan pengaksesan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak yang kami percaya mengganggu atau menggunakan platform ini untuk tujuan yang tidak diberi kuasa. Jika pada bila-bila masa anda mendapati atau mengesyaki berlakunya mana-mana aktiviti ini, anda dikehendaki memaklumkan kepada kami dengan segera dan jika gagal atau melengah berbuat demikian, anda mungkin akan dipertanggungjawabkan untuk perkara yang sama.

12. Kami merizabkan hak setelah memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memadam daripada atau sebaliknya meminda) (“**Pindaan**”) mana-mana Terma dan Syarat . Pemberitahuan kepada Pengguna berkenaan dengan Pindaan boleh diberikan melalui: (i) notis mengenai Pindaan yang dipaparkan di premis dan/atau laman sesawang kami dan di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan kepada Pengguna atas permintaan atau notis itu sendiri mungkin mengandungi butiran Pindaan; atau (ii) melalui paparan komunikasi elektronik di CIMB atau (iii) notis yang diiklankan dalam surat akhbar pilihan

Bank; atau (iv) notis dihantar melalui mel elektronik atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan berkuat kuasa dan mengikat dari tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahuan.

13. Anda mesti memastikan bahawa semua maklumat yang anda berikan kepada CIMB adalah benar, betul dan lengkap dan anda bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan CIMB tidak berbahaya terhadap sebarang kerugian dan/atau ganti rugi yang timbul atau dialami disebabkan oleh maklumat yang tidak tepat, tidak lengkap atau palsu yang diberikan kepada CIMB (sama ada oleh salah nyata dan/atau maklumat palsu) semasa permohonan anda untuk membuka Akaun CIMB/-i dan/atau permohonan dan pengaktifan Kad Debit CIMB.
14. Anda mengakui sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat, anda akan tertakluk kepada terma dan syarat lain yang mengawal akaun/kad yang dipohon dan terma dan syarat lain serta prosedur operasi apabila dan bila terpakai semasa proses pembukaan akaun dalam platform ini.

Kerahsiaan


Ia adalah dasar kami untuk menghormati privasi sebarang maklumat yang anda dedahkan berkaitan dengan pengaksesan dan penggunaan platform ini dan penggunaan perkhidmatan (“**Maklumat Sulit**”). Sehubungan itu, kami tidak akan mengedit atau mendedahkan Maklumat Sulit anda melainkan kami dikehendaki berbuat demikian mengikut mana-mana undang-undang atau peraturan, untuk melindungi hak dan harta kami, untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat, untuk memberikan kepada anda perkhidmatan, untuk menjawab sebarang tuntutan bahawa anda melanggar hak orang lain, atau seperti yang diperuntukkan dalam mana-mana terma dan syarat yang mentadbir Akaun CIMB/-i yang anda pohon, dan Notis Privasi Kumpulan CIMB yang memperuntukkan pendedahan Maklumat Sulit anda.

Notis Privasi

Dengan menggunakan platform ini atau menggunakan mana-mana perkhidmatan, anda bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimb.com.my dan Terma dan Syarat kerana ia mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi anda. **SILA PASTIKAN ANDA MEMBACA DAN MEMAHAMI NOTIS PRIVASI KUMPULAN CIMB SELAIN TERMA DAN SYARAT SEBELUM TERUS MENGGUNAKAN PLATFORM INI ATAU MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN.** Untuk mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap sebagai digabungkan dengan merujuk kepada Terma dan Syarat.



CIMB Bank Berhad [197201001799]



CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872]

Kebolehpisahan dan Penepian

Jika mana-mana peruntukan Terma dan Syarat adalah tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, klausanya yang menyinggung tidak akan menjelaskan kesahihan atau kebolehkuatkuasaan Terma dan Syarat yang lain. Jika kami tidak menguatkuasakan mana-mana Terma dan Syarat, ia tidak akan dianggap atau ditafsirkan sebagai sebarang penepian hak kami untuk menguatkuasakan perkara yang sama.

Undang-Undang & Bidang Kuasa Mentadbir

Terma dan Syarat, pengaksesan dan penggunaan platform ini, dan perkhidmatan di bawah platform ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan anda bersetuju untuk menyerahkan dan terikat dengan bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Hubungi Kami

Jika anda mengetahui atau menyedari sebarang penyalahgunaan platform ini atau sebarang kemungkinan Terma dan Syarat atau mempunyai pertanyaan atau memerlukan maklumat tambahan mengenai platform ini, sila hubungi:

Unit Resolusi Pelanggan (CRU)

Peti Surat 10338

Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur

50710 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tel: +603 6204 7788

E-mel: contactus@cimb.com

Hak Cipta 2024

CIMB Bank Berhad & CIMB Islamic Bank Berhad